

MAHKAMAH TINGGI MALAYA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR.

Bil:(48)dTm.JK/MA 38 Vol.IV

Tarikh: 22hb. Februari, 1993

Semua Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Y.A. Dato'/Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 1993

PENDENGARAN KES-KES KEBANKRAPAN
DI HADAPAN PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI.


Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan bahawa mulai daripada 1hb. April, 1993 Arahan Amalan ini hendaklah mula berkuatkuasa.

2. Berikutan dengan pengwartaan Akta Kebankrapan (Pindaan) 1992 (Akta A827) pada 16hb. Julai, 1992 perkara-perkara berikut hendaklah didengar di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

i) Jenis-jenis permohonan yang akan didengar oleh Pendaftar
Mahkamah Tinggi

Berikut adalah jenis permohonan yang boleh didengar di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

- 1) Permohonan Sipiutang (Creditors Petition) di bawah seksyen 5, 6 dan 7.
- 2) Permohonan untuk komital di bawah seksyen 16(3) dan (4), 38(2) dan 91(2).
- 3) Permohonan untuk kelulusan Komposisi atau Perkiraan di bawah seksyen 18.
- 4) Permohonan untuk Dilepaskan di bawah seksyen 33(1).
- 5) Permohonan di bawah seksyen 52.
- 6) Permohonan untuk Arahan di bawah seksyen 85(3).



- 7) Permohonan mengetepikan Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman atas alasan bahawa Sibankrap telahpun dihukum bankrap terdahulu di bawah seksyen 91.
- 8) Permohonan untuk menyerah semula Perintah Bayaran Ansuran di bawah seksyen 92(1).
- 9) Permohonan untuk Pemindahan Prosiding di bawah seksyen 93(7).
- 10) Permohonan Pembatalan Perintah Penerimaan di bawah seksyen 105.
- 11) Untuk melanjutkan tempoh penyerahan Notis.
- 12) Permohonan untuk serahan ganti.
- 13) Permohonan untuk mengetepikan Notis Kebankrapan di bawah Kaedah 95.
- 14) Permohonan untuk Reverse di bawah Kaedah 183.

ii) Pendaftaran Kes-Kes Kebankrapan

Semua kes kebankrapan hendaklah difailkan di Mahkamah di dalam negeri dimana Siberhutang Penghakiman bermastautin.

Bagi kes-kes kebankrapan yang difailkan di Mahkamah selain daripada Mahkamah yang dinyatakan di atas, Mahkamah yang berkenaan hendaklah menasihatkan pihak yang memohon (petitioner) untuk memfailkan kes-kes berkenaan di Mahkamah dimana Siberhutang Penghakiman bermastautin.

Bagi kes-kes yang telah didaftarkan sebelum Arahan Amalan ini berkuatkuasa, pihak yang memohon (petitioner) boleh membuat permohonan secara bertulis untuk memindahkan kes tersebut ke mahkamah dimana Siberhutang Penghakiman bermastautin. Semua surat permohonan hendaklah disalinkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

iii) Pemindahan Kes-Kes Di Bawah Seksyen 93(7),
Akta Kebankrapan 1967

Adalah didapati bahawa ada terdapat kes-kes dimana Pejabat Pemegang Harta tidak diserahkan dengan salinan Perintah Pemindahan kes dan ini telah menimbulkan masalah kepada Pejabat Pemegang Harta kerana fail berkenaan masih berada di Cawangan dimana permohonan (petition) itu didaftarkan.

Dengan ini satu salinan perintah pemindahan kes hendaklah diserahkan oleh Pemohon kepada Pejabat Pemegang Harta untuk setiap kes yang dipindahkan.

iv) Senarai Kes

Senarai kes hendaklah disediakan sekurang-kurangnya seminggu sebelum tarikh perbicaraan untuk memudahkan Pejabat Pemegang Harta menyediakan fail-fail mereka.


v) Penyediaan Draf Perintah.

Draf perintah untuk setiap perintah penghukuman dan perintah penerimaan hendaklah disediakan oleh peguam pemiutang penghakiman atau pemiutang penghakiman sendiri sekiranya tidak diwakili oleh peguam. Draf perintah tersebut juga hendaklah difailkan pada hari perintah penghukuman dan perintah penerimaan diperolehi.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(MUHAMAD IDERES BIN MUHAMAD RAPEE)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara Malaysia.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo - untuk makluman.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.

Y.B. Peguam Negara Malaysia.

Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Ketua Setiausaha,
Kementerian Undang-Undang Malaysia.

Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung Malaysia.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri,
Semenanjung Malaysia.

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Borneo,
93506 Kuching,
SARAWAK.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Agung/Tinggi, Kuala Lumpur.

Timbalan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi,
88809 Kota Kinabalu,
SABAH.

Pustakawan,
Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.

Pustakawan,
Jabatan Peguam Negara.

Kanun,
Dewan Bahasa & Pustaka,
Kuala Lumpur.

Pengerusi,
Majlis Peguam,
No.5, Jalan Tun Perak,
Kuala Lumpur.

Malayan Law Journal,
3 Shenton Way,
14-03 Shenton House,
Singapore 01-06.

Current Law Journal,
Wisma CLJ,
221 Jalan Negara Dua,
Taman Melawati,
53100 SELANGOR.

MI/f

PERANGKAAN KES-KES KEBANKRAPAN
YANG DIDAFTARKAN DARI TAHUN 1979 HINGGA 1992

1979	-	1936
1980	-	2176
1981	-	2622
1982	-	2699
1983	-	2959
1984	-	2857
1985	-	4698
1986	-	6223
1987	-	7261
1988	-	10225
1989	-	14837
1990	-	9615
1991	-	7828
1992	-	7698